



TASAWUF KONTEMPORARI DALAM MENANGANI PEMIKIRAN RADIKALISME BERAGAMA: ANALISIS LITERATUR UTAMA

HASFA BAKHRY HASSAN ^a & HADENAN TOWPEK ^{b*}

^a*Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, Jalan Telaga Air, Kuching, Sarawak, Malaysia*

^b*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Sarawak, Malaysia*

Received 7 March 2024: Revised 2 May 2024: Accepted 13 May 2024

ABSTRAK

Kesedaran beragama dalam kalangan masyarakat Islam merupakan suatu perkembangan yang sangat baik terhadap sesuatu kelompok masyarakat di sebuah negara. Namun terdapat juga di satu sisi perkembangan ini menimbulkan masalah sekiranya tidak diawasi dengan baik, iaitu pengaruh media massa menyebarluaskan fahaman radikalisme beragama. Justeru, berangkat dari situasi tersebut artikel ini merungkai persoalan dan isu mengenai pemikiran radikalisme beragama dan peranan pendekatan tasawuf kontemporari dalam menangani isu tersebut. Secara khususnya, artikel ini merupakan sorotan literatur menumpukan berkenaan dengan kajian terdahulu yang meliputi permasalahan sikap radikalisme yang berlaku di Malaysia khususnya di Sarawak. Artikel ini secara khusus berobjektifkan untuk mengkaji peranan agama dalam kehidupan manusia, mengkaji pengaruh media massa dalam penyebaran pemikiran radikal beragama, menganalisis pendekatan tasawuf kontemporari dapat menangani pemikiran radikal beragama, menganalisis fahaman radikalisme dan kecenderungan perilaku keganasan dalam mencorakkan amalan keberagamaan, dan menilai kesan pengamalan tasawuf kontemporari dalam menangani pemikiran radikal beragama khususnya di Sarawak. Rumusan dapatan kajian dalam artikel ini menunjukkan bahawa sorotan literatur lepas menjurus kepada kaedah pemulihan yang dilakukan bagi mengatasi gejala-gejala yang sedia ada. Kaedah pemulihan adalah dengan menggunakan elemen-elemen tasawuf. Ia adalah untuk menjelaskan berkenaan keberkesanan kaedah tasawuf dalam mencegah dan memulihkan. Di samping itu juga sumber literatur lepas ini tidak menolak keperluan untuk membuat penambahbaikan terhadap konsep tasawuf yang sedia ada dengan menekankan beberapa perkara seperti penekanan terhadap adab dan akhlak, pembersihan hati, latihan kerohanian, pembinaan strategi bagi melahirkan generasi *ulu al-albab* yang menguasai ilmu-ilmu turath serta menterjemahkan hal tersebut ke dalam individu generasi sekarang sebagai generasi *ulu al-albab* iaitu generasi bijak pandai yang berfahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kesungguhan dalam melaksanakan elemen-elemen tasawuf dalam pendidikan merupakan usaha berterusan untuk mengekang daripada perkembangan pemikiran yang bercanggah dengan aliran Islam sebenar serta usaha mengekang aliran pemikiran ekstrim yang sudah membudaya dalam masyarakat yang akan merugikan umat Islam di Malaysia.

KATAKUNCI: TASAWUF KONTEMPORARI, PEMIKIRAN RADIKALISME BERAGAMA, PERANAN AGAMA, PENGARUH MEDIA MASSA, PERILAKU KEGANASAN

* CORRESPONDING AUTHOR: Hadenan Towpek, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Sarawak, Malaysia. E-mail: hadenan298@uitm.edu.my

ABSTRACT

Religious awareness among the Muslim community represents a positive development for a particular segment of society in a given country. However, on the flip side, this development can also pose problems if not carefully monitored, such as the influence of mass media in propagating radical religious ideologies. Thus, stemming from this context, this article addresses the issues surrounding religious radicalism and the role of contemporary Sufi approaches in addressing these issues. This article specifically is a literature review focusing on previous studies covering the problem of radicalism attitudes occurring in Malaysia, particularly in Sarawak. This article specifically aims to examine the role of religion in human life, assess the influence of mass media in spreading radical religious ideologies, analyze how contemporary Sufi approaches can address radical religious ideologies, analyze radicalism ideologies and tendencies towards violent behavior in shaping religious practices, and evaluate the impact of contemporary Sufi practices in addressing radical religious ideologies, particularly in Sarawak. The findings of this study indicate that past literature has focused on recovery methods to address existing phenomena. The recovery method involves using Sufi elements to explain the effectiveness of Sufi methods in prevention and recovery. Additionally, past literature does not dismiss the need to improve existing Sufi concepts by emphasizing several aspects such as emphasis on manners and morals, spiritual purification, spiritual training, and the development of strategies to produce a generation well-versed in traditional knowledge and translate it into the current generation as a generation of ulu al-albab, namely the generation of wise individuals who adhere to the beliefs of Ahli Sunnah Wal Jamaah. The commitment to implementing Sufi elements in education represents an ongoing effort to curb the development of thinking that contradicts true Islamic teachings and to curb extremist thinking that has become prevalent in society, which would be detrimental to the Muslim community in Malaysia.

KEYWORDS: CONTEMPORARY SUFISM, RADICAL RELIGIOUS THOUGHT, ROLE OF RELIGION, INFLUENCE OF MASS MEDIA, VIOLENT BEHAVIOR

1. PENGENALAN

Kesedaran beragama dalam kalangan masyarakat Islam merupakan suatu perkembangan yang sangat baik terhadap sesuatu kelompok masyarakat di sesebuah negara. Namun terdapat juga di satu sisi perkembangan ini menimbulkan masalah sekiranya tidak diawasi dengan baik. Jika dahulu, apabila masyarakat memiliki kesedaran yang tinggi, maka mereka akan mendatangi masjid, surau bahkan mendatangi pondok-pondok bagi mendalami ilmu-ilmu berkenaan dengan agama. Hal ini merupakan suatu perkara yang tepat dilakukan.

Namun demikian, permasalahan mula timbul apabila seseorang itu mempunyai kesedaran agama, maka mereka akan mencari sumber yang mudah akses seperti melayari media sosial untuk mencari pengetahuan atau jawapan kepada kemosykilan agama dihadapi. Tanpa mengetahui dengan jelas sumber yang diakses, maka penilaian dan maklum balas yang digunakan adalah berdasarkan kepada penjelasan yang diperolehi daripada sumber tersebut. Ia ditanggapi langsung sebagai suatu pegangan mutlak, yang tidak tertolak.

Kesalahan dalam mendapatkan ilmu agama ini akan mengakibatkan kesalahan dalam memahami ilmu agama sebagaimana kehendak Nabi Muhammad SAW khususnya fahaman yang berteraskan akidah *Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah* (ASWJ). Dalam perkara bersifat ibadah seperti fekah, tauhid, muamalat dan sebagainya akan menjadi haru-biru jika mereka mengambil pandangan daripada kelompok yang salah. Berdasarkan latar sejarah, negeri-negeri Melayu telah meletakkan kesepakatan menjadikan mazhab Syafie sebagai pegangan rasmi atau rujukan bagi perkara-perkara yang melibatkan keputusan-keputusan fatwa dan hukum hakam di Jabatan Kehakiman Syariah (Hasliza Hassan, 2014). Maka sewajarnya masyarakat harus memahami kerangka apa yang sesuai diikuti di Malaysia. Namun apabila budaya ilmu tidak diamalkan serta kejahilan dalam ilmu agama

akan menyebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan berkenaan aliran fekah, mazhab dan aliran akidah yang sepatutnya menjadi pegangan dalam beramal.

Perkembangan media sosial pada dekad ini juga menyumbang kepada perkembangan ideologi. Penyebaran ideologi yang terdapat dalam media sosial berperanan dalam mempengaruhi masyarakat terutama dari sudut cara berfikir. Umpamanya, dalam kes kematian Dr. Azahari bin Hussin, Amrozi dan Imam Samudera, tidak mengendurkan semangat ahli kumpulan pengganas ini, bahkan mereka dianggap mati dalam perjuangan pada jalan Allah. Begitu juga rakaman video ucapan dan kata-kata semangat daripada mereka sebelum mati terus-menerus dilayari di media sosial. Implikasinya, ia secara berterusan melahirkan semakin banyak pengikut, dan berterusan juga proses perekutan lebih ramai orang terutamanya orang muda yang terpengaruh dengan ideologi jihad versi mereka (Nafi' Muthohirin, 2015).

Berhadapan dengan isu ideologi radikal ini, tasawuf diangkat sebagai antara jalan terbaik mengadapi dan merawati permasalahan ini. Tasawuf adalah manifestasi daripada *syafa'* atau kesucian dengan sifat terpuji dalam setiap ucapan (Qusyairy, n.d.). Menurut anda, apakah yang difahami dengan tasawuf dalam erti kata yang mudah? Penekanan terhadap tasawuf kepada masyarakat adalah bertujuan untuk melepaskan diri daripada amalan hati yang buruk iaitu *takhalli* dan memasukkan amalan hati yang mulia iaitu *tahalli* pada diri mereka. Usaha tersebut adalah untuk masyarakat mempunyai elemen dalam diri mereka dan menterjemahkan dalam perbuatan sehari-hari mereka. Hasil daripada kefahaman elemen tasawuf ini, akan melahirkan generasi cemerlang dan generasi yang akan membina ketamadunan sebagaimana zaman kegemilangan Rasulullah SAW dan para sahabat terdahulu. Ilmu tasawuf sebenarnya adalah cara hidup Rasulullah SAW dan segala apa sahaja yang dilakukan dan diucapkan oleh baginda merupakan akhlak dan manifestasi ilmu tasawuf.

Penekanan elemen tasawuf sangat besar dalam pengajian agama Islam khususnya di masjid-masjid dan surau-surau. Elemen mengenal Allah dan adab merupakan kombinasi yang terdapat dalam ilmu tasawuf. Tasawuf kontemporari pula adalah elemen tasawuf yang disesuaikan pada masa sekarang yang menekan soal ilmu ketuhanan serta menterjemahkan disiplin keilmuan tradisional tersebut bersesuaian kepada keilmuan berbentuk moden namun tidak mengurangkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam ilmu tasawuf tradisional (Zuhriy, 2011).

Justeru, berangkat dari situasi tersebut artikel ini merungkai persoalan dan isu mengenai pemikiran radikalisme beragama dan peranan pendekatan tasawuf kontemporari dalam menangani isu tersebut. Secara khususnya, artikel ini merupakan sorotan literatur menumpukan berkenaan dengan kajian terdahulu yang meliputi permasalahan sikap radikalisme yang berlaku di Malaysia khususnya di Sarawak.

2. PERSOALAN DAN OBJEKTIF

Secara khususnya artikel ini mengetengahkan lima persoalan utama untuk dirungkai, sebagaimana berikut:

1. Apakah peranan agama dalam kehidupan manusia?
2. Apakah pengaruh media massa dalam penyebaran pemikiran radikal beragama?
3. Bagaimanakah pendekatan tasawuf kontemporari dapat menangani pemikiran radikal beragama?
4. Bagaimanakah fahaman radikalisme dan kecenderungan perilaku keganasan dalam mencorakkan amalan keberagamaan?
5. Apakah kesan pengamalan tasawuf kontemporari dalam menangani pemikiran radikal beragama di Sarawak?

Berdasarkan lima persoalan di atas, artikel ini mensasarkan lima objektif utama sebagaimana berikut:

1. Mengkaji peranan agama dalam kehidupan manusia
2. Mengkaji pengaruh media massa dalam penyebaran pemikiran radikal beragama
3. Menganalisis pendekatan tasawuf kontemporer dapat menangani pemikiran radikal beragama
4. Menganalisis fahaman radikalisme dan kecenderungan perilaku keganasan dalam mencorakkan amalan keberagamaan
5. Menilai kesan pengamalan tasawuf kontemporer dalam menangani pemikiran radikal beragama di Sarawak

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Peranan Agama dalam Kehidupan Manusia

Dalam konteks yang luas, pandangan Idris Zakaria (2010) adalah begitu relevan dicermati apabila beliau membentangkan dalam Muhadharah Pemikiran Islam pada siri 10 dengan tajuk: *Falsafah Hidup Manusia: Perbandingan antara Islam, Hindu-Buddha, Kristian dan Ideologi Moden*. Beliau berpendapat bahawa agama memiliki sumbangan penting terhadap kehidupan dan kemajuan manusia. Salah satu sumbangannya ialah membina pandangan dunia, mengawal tingkah laku, dan menyediakan kerangka rohani untuk menjawab persoalan-persoalan besar yang bersifat ontologi dan metafizik. Agama juga memberi ketenangan kepada individu yang memahaminya dengan baik. Ahli psikologi klasik dan moden juga sependapat bahawa agama membantu membentuk kehidupan seseorang dengan memberikan pemahaman tentang makna kehidupan, termasuk asal-usul, tujuan, dan akhir kehidupan manusia. Dengan pemahaman ini, seseorang dapat menjalani kehidupannya dengan keyakinan dan fokus.

Sementara Dr. Rita K. Baltus (2000) dalam bukunya bertajuk: *Personal Psychology for Life and Work* pula menjelaskan berkenaan pentingnya keperluan untuk memiliki pandangan yang tepat tentang maksud dan tujuan kehidupan, sebagaimana berikut:

It is desirable not only to determine the purpose of life in a universal sense but also to work out the primary purpose of your individual life. It is not necessary that you interpret the meaning of life in the same way as someone else, but it is important that your life have meaning and purpose. Determination of your life's primary purpose will affect all your other goals. Often a person's primary purpose is closely related to one's religious beliefs or a basic belief in the origin of life.
(Baltus, 2000)

Dalam konteks ini, Baltus juga menggariskan pentingnya peranan agama dalam memberi arahan kepada manusia tentang cara hidup yang mereka lalui. Fakta ini telah berlaku sejak zaman purba lagi. Bahkan, fakta ini diakui oleh seorang tokoh utama dalam bidang psikologi yang juga seorang atheist, dalam satu gambaran yang agak kritikal terhadap agama. Beliau menjelaskan bahawa:

Religion has clearly performed great services for human civilization. It has contributed much towards the taming of the social instincts. But not enough. It has ruled human society for many thousands of years and has had time to show what it can achieve.
(Freud, 1961)

Kemudian, beliau meneruskan alasannya dengan beberapa perspektif yang sangat sinis dan agak berspekulasi mengenai peranan agama dalam sejarah manusia. Beliau menerangkan bahawa:

If it had succeeded in making the majority of mankind happy, in comforting them, in reconciling them to life and in making them into vehicles of civilization, no one would dream of attempting to alter the existing conditions. But what do we see instead? We see that an appallingly large number of people are dissatisfied with civilization and unhappy in it, and feel it as a yoke which must be shaken off; and that these people either do everything in their power to change that civilization, or else go so far in their hostility to it that they will have nothing to do with civilization or with a restriction of instinct. At this point it will be objected against us that this state of affairs is due to the

very fact that religion has lost a part of its influence over human masses precisely because of the deplorable effect of the advances of science. We will note this admission and the reason given for it, and we shall make use of it later for our own purposes; but the objection itself has no force.

(Freud, 1961)

Seterusnya, perkara juga boleh dirujuk dalam tulisan Mashitah Sulaiman dan Marina Munira Abdul Mutualib (2011) dengan tajuk: "Agama Sebagai Faktor Pelestarian Pembangunan Mapan: Nilaianya dari Perspektif Kehidupan Belia Masa Kini". Penulisan ini menyimpulkan bahawa walaupun terdapat pelbagai persepsi yang berbeza mengenai agama, baik atau buruk, positif atau negatif, agama tetap merupakan realiti yang penting dalam membentuk pandangan dunia, kepercayaan, kata-kata, perbuatan, dan amalan seseorang. Dengan erti kata lain, agama juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sikap, mentaliti, dan perilaku seseorang dalam kehidupan harian mereka. Manusia sering merujuk kepada agama sebagai panduan, motivasi, dan pemandu dalam membuat keputusan dalam kehidupan mereka, sama ada pada peringkat individu, keluarga, atau masyarakat (Mashitah & Marina Munira, 2011).

Dengan momentum yang hampir sama, pandangan terbaru boleh dihubungkan cetusan idea bernas oleh Mohd Farid Mohd Shahran (2023) menerusi kertas pembentangan beliau yang bertajuk: *The Role of Adab and Ta'dib in Facing the Challenge of Extremism: A Civilizational*, yang dibentang dalam *International Seminar on Islamic Education 2023* di Kuching, Sarawak. Pandangan beliau mempunyai kaitan langsung menerusi petikan berikut:

"The root of extremism can always be traced to the distorted worldview due to error and confusion in knowledge and thinking. The knowledge and understanding, if further analysed, is the result of previous life experience or education that the person has received, be it formal or informal, throughout his or her life."

Berdasarkan dengan apa yang telah disebutkan bahawa sememangnya akar kepada pemikiran ekstrim ini adalah kekeliruan dalam ilmu pengetahuan yang didapati oleh seseorang itu berdasarkan latar belakang pendidikan dan kehidupannya.

Pengaruh Media Massa

Masyarakat Islam di Sarawak terdedah dengan elemen perkembangan yang terdapat dalam media sosial yang lebih banyak memberikan implikasi yang negatif berbanding dengan manfaat yang diperolehi daripadanya. Jumlah individu yang menggunakan agama sebagai justifikasi untuk bertindak keganasan telah meningkat secara ketara dalam masyarakat baru-baru ini. Mereka mula mentafsir ayat al-Quran dan al-hadis tanpa melalui pentafsiran mengikut pandangan para ulama. Perkembangan ini boleh dilihat melalui media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* ataupun *Twitter*. Hasil daripada pengaruh tidak sihat dalam media sosial terutamanya, lahir golongan-golongan yang telah nipis budi pekerti dan tatasusila dalam menyikapi isu semasa terutama dalam isu agama. Masyarakat mengetahui bahawa isu-isu agama merupakan satu isu yang sangat sensitif serta dalam menghadapinya kita memerlukan sikap berhati-hati, namun pada waktu ini ia dihadapi dengan sikap bersahaja dan secara tidak beradab.

Sarawak juga tidak terlepas daripada hal ini. Melalui operasi yang dilakukan oleh pihak Bahagian Cawangan Khas Bukit Aman, *E8 Counter Terorism* Tahun 2017, seramai 20 orang individu telah ditangkap kerana menyertai kumpulan Daesh yang menggelar diri mereka dengan nama *The Rise of Jundullah*. Salah seorang daripada mereka merupakan bekas guru sekolah rendah di Kuching, Sarawak. Mereka cuba untuk menyerang acara *The Better Beer Festival 2017*. Menurut Ketua Polis pada waktu itu, Tan Sri Mohd Fuzi Harun, PDRM telah membuat tangkapan melibatkan seorang suspek berusia 46 tahun yang merupakan bekas guru di sebuah sekolah rendah di Kuching. Tangkapan dibuat pada 1 Disember 2017 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Berdasarkan perkembangan ideologi radikal ini di Asia Tenggara pasca kejadian 11 September 2001, peningkatan jumlah kejadian radikalisme di Asia Tenggara meningkat khususnya di tiga buah negara ini iaitu Filipina, Thailand dan Indonesia. Kejadian pengeboman di Bali pada 12 Oktober 2002 yang mengorbankan 202 orang, pengeboman di Hotel J.W Merriot di Kuningan, Jakarta, serangan di Kedutaan Besar Australia di Jakarta serta pusat membeli belah Sarenah di Jakarta Pusat. Kes penculikan di Sabah oleh pengganas Filipina iaitu *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) dan Abu Sayyaf juga meningkat. Komander Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), Datuk Victor Sanjos menyatakan bahawa perkongsian maklumat perisikan dengan pihak berkuasa Malaysia, Filipina dan Indonesia telah meningkat kejayaan dalam operasi anti pengganasan di rantau ini. Sejak 2015, seramai 20 anggota militan Kumpulan Abu Sayyaf (ASG) mati ditembak, manakala 17 anggota ASG atau *Kidnapping For Ransom Group* (KFRG) ditahan. Selain itu, sepanjang 2014 hingga 2018, sebanyak 12 percubaan untuk menculik, merampas dan merompak digagalkan dengan penculikan terakhir berlaku pada 14 Januari 2020. (Juwan Riduan, 2024) Peningkatan aksi perlakuan bom kereta di Thailand oleh Barisan Revolusi Nasional (BRN) dan *Pattani United Liberation Organization* (PULO). Hal ini menunjukkan perkembangan ideologi radikalisme di Asia Tenggara semakin merisaukan (Kusuma, 2016).

Secara luarannya aktiviti keganasan di Malaysia tidak terlalu ketara, namun ia tidak dapat dikatakan tidak berlaku kerana melihat apa yang berlaku bahawasanya fakta telah menunjukkan perancang kepada aktiviti keganasan di Indonesia dan Malaysia merupakan anak kelahiran Malaysia seperti Nordin Mat Top dan juga Dr. Azahari Husin. Begitu juga dengan 40 orang warga negara Malaysia yang dilatih menjadi kelompok ISIS yang melibatkan diri dengan peperangan di Syria (Hashim, 2015). Terdapat ramai warga Malaysia yang menjadi mentor kepada rekrut-rekrut baru kem militan di Filipina (Kusuma, 2016). Keterlibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti radikalisme ini adalah kerana kurangnya ilmu dalam agama Islam serta pemahaman yang dangkal terhadap kandungan al-Quran dan al-sunnah.

Malah, perkembangan terkini menunjukkan peningkatan ideologi yang cenderung ke arah fahaman keras, radikal, dan ekstrem, yang berpotensi mempengaruhi masyarakat untuk bertindak di luar batas. Ini melibatkan provokasi, ancaman, keganasan, penculikan, penderaan, rampasan, peperangan, pengeboman, pembunuhan, dan sebagainya. Tambahan pula, terdapat peningkatan kejadian keganasan yang dilakukan oleh golongan pelampau, radikal, atau ekstremis. Perkara yang menarik perhatian ialah mereka tidak hanya menyerang bukan Muslim, tetapi juga menyasar masyarakat Islam sendiri. Dalam kata lain, mereka menggunakan keganasan terhadap orang Islam sendiri. Ini menjelaskan kelompok-kelompok ini menolak konsep hikmah dan akhlak Islamiyah. Ini kerana, biarpun setiap manusia ada hak masing-masing dalam membuat tindakan, namun dari sudut falsafahnya ia tetap tidak boleh melampaui batasan kemanusiaan apatah lagi menghilangkan nilai akhlaknya. (Zul'azmi & Sunawari, 2015)

Menurut SAC Dato Ayub Khan bin Mydin Pitchay, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Khas E8, satu operasi yang dilakukan oleh pihak PDRM dari bulan Julai hingga September 2019 berjaya menangkap 16 individu yang disyaki terlibat dengan kumpulan pengganas di Sabah, Sarawak, Selangor, Pulau Pinang, Pahang, Kuala Lumpur, dan Johor. Pada 10 Julai, tangkapan dilakukan di Keningau, Sabah, melibatkan seorang lelaki warga Indonesia berusia 25 tahun yang bekerja sebagai pekerja ladang kelapa sawit. Suspek telah berhubung dengan pemimpin Daesh, Abu Bakar al-Baghdadi, melalui aplikasi Telegram. Dia bertindak sebagai pengurus yang mengatur kemasukan sepasang suami isteri warga Indonesia bersama tiga anak mereka yang melakukan serangan bunuh diri ke atas sebuah gereja di Jolo, Filipina, pada Disember 2018. Suspek juga didakwa menyalurkan dana kepada kumpulan pengganas Maute di Selatan Filipina serta merancang untuk berjihad di Syria. Tangkapan kedua di Subang Jaya pada 2 Ogos 2019 melibatkan seorang wanita warga India berusia 38 tahun yang bekerja sebagai pembantu pembersihan rumah (Muhammad Afham Ramli, 2019). Wanita tersebut telah menjadi ahli kumpulan Sikh for Justice (SFJ) yang dilarang di India sejak tahun 2017, selain daripada berperanan sebagai penyalur dana kepada kumpulan tersebut.

Sebagai tindak balas terhadap kejadian tersebut, dua lelaki tempatan berusia 21 dan 26 tahun telah berjaya ditangkap di Keningau dan Tenom, Sabah, pada 6 September atas tuduhan menjadi fasilitator untuk serangan di Jolo, Selatan Filipina. Selain itu, dalam operasi yang berlangsung dari 14 hingga 25 September di Miri, Sarawak, Pulau Pinang, Pahang, Kuala Lumpur, Selangor, dan Johor, pihak polis berjaya menggagalkan satu sel baru Daesh yang melibatkan rakyat Malaysia dan Indonesia, termasuk seorang wanita berusia antara 22 hingga 36 tahun. Tangkapan ini melibatkan seorang lelaki tempatan dan 11 warganegara Indonesia, termasuk wanita tersebut. Kumpulan ini aktif mengiklankan fahaman Daesh dan melatih ahli baharu melalui platform media sosial, terutamanya dalam kalangan warganegara Malaysia dan Indonesia, dengan rancangan untuk menjalankan serangan di kedua-dua negara tersebut setelah berjaya melatih sebanyak mungkin ahli (Muhammad Afham Ramli, 2019).

Dalam menyelami pemahaman golongan radikal beragama ini, pandangan Imam al-Ghazali boleh dijadikan rujukan. Beliau mengatakan bahawa kebanyakan manusia yang terdiri daripada ahli ibadah, masyarakat awam, ahli ilmu apabila mereka mengabaikan urusan hati iaitu perkara yang berkaitan dengan ilmu tasawuf, mereka akan terdedah kepada tipu daya yang dilakukan oleh iblis, syaitan dan agen mereka iaitu hawa nafsu. Mereka akan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan kehendak al-Quran dan al-sunnah. Tindakan yang mereka dilakukan seolah-olah bersesuaian dengan syariat agama tetapi sebenarnya adalah bertentangan dengan apa yang dikehendaki agama. Bahkan ianya hanya untuk kepuasan hawa nafsu semata-mata (al-Ghazali, 2019).

Radikalisme dalam sebuah ideologi agama berlaku kerana kesilapan dalam memahami makna dalil yang terdapat dalam firman Allah serta kesilapan dalam menterjemah hadis-hadis Nabi Muhammad SAW secara komprehensif melalui jalur fahaman ASWJ. Seterusnya kumpulan radikal ini menterjemahkan al-Quran dan sunnah melalui kefahaman akal yang jauh daripada kesucian hati dan nurani kerana mereka menolak konsep tasawuf dan tidak mementingkan tasawuf dalam kehidupan seharian (Moh Hasyim Afandi, 2016).

Menurut Profesor Dr. Nicholas Majid, antara cara mengekang ideologi radikal ini adalah dengan memantapkan kefahaman dan melebarkan dimensi dalaman dan rohani, kasih sayang kepada ketuhanan dengan menghayati segala makna dalam ibadah seperti solat sebagai perhambaan kepada pencipta, zakat sebagai khidmat kepada manusia, ibadah haji sebagai pengabdian untuk manusia sejagat, dan berpuasa sebagai cara untuk mengingati akan kelaparan. (Moh Hasyim Afandi, 2016). Jelaslah bahawa maksud di sini adalah konsep kefahaman dalam ubudiyyah kepada Allah SWT menurut Nicholas Majid adalah manifestasi ilmu ketuhanan atau tasawuf sebagai kaedah untuk menghalang ideologi radikal ini masuk ke dalam kefahaman masyarakat.

Pendekatan Tasawuf Kontemporari Menangani Pemikiran Radikal Beragama

Perbincangan mengenai tasawuf dalam dunia kontemporari telah dibahaskan dengan cukup baik oleh Mohamad Nidzam bin Abd. Kadir (2010) dalam bukunya yang bertajuk: *Tasawuf Kontemporari: Implementasi Tasawuf dalam Dunia Kini*. Selain itu, tulisan H. Muzakkir (2007) juga masih membincangkan tema yang sama apabila menghasilkan sebuah artikel dalam *Jurnal Usuluddin* dengan tajuk: “Tasawuf dalam Kehidupan Kontemporari: Perjalanan Neo-Sufisme”. Apa yang jelas Mohamad Nidzam (2010) dan Muzakkir (2007), merumuskan bahawa tasawuf dalam dunia kontemporari adalah tasawuf yang cuba difahami berdasarkan suasana zaman pada hari ini. Mereka yang menjalani perjalanan tasawuf ini ada pelbagai jalan. Terdapat pihak yang menumpukan perjalanan ibadah sahaja apabila memasuki perjalanan tasawuf. Mereka dikenali dengan kelompok batiniah. Terdapat kelompok lain yang menumpukan jalan syariah sahaja sehingga dikenali sebagai kelompok lahiriah apabila menumpukan segala perkara hanya disandarkan kepada sistem perundungan Islam yang terkandung dalam al-Quran dan al-sunnah. Maka Imam al-Ghazali menampilkan gagasan syariat, tarikat dan hakikat. Menurut Imam al-Ghazali, proses penghayatan agama haruslah berperingkat, iaitu seseorang itu perlu memantapkan kefahaman syariat terlebih dahulu sebelum mengamalkan tasawuf. Kesannya dia dapat memahami hakikat beragama yang benar dalam pergaulan seharian, dengan gabungan hidup bersyariat dan bertarikat.

Selanjutnya Muzakkir (2007) turut mengulas pandangan Abdul Malik Karim Amrullah (dikenali juga dengan nama Hamka) dalam bukunya *Tasawuf Moden*, dengan ulasan bahawa kesejajaran idea Imam al-Ghazali dan Hamka dalam menterjemahkan kaedah tasawuf tradisional kepada pengembangan dan penyesuaian pelaksanaan dan penonjolan pada zaman kontemporari ini. Perbezaan antara Imam al-Ghazali dengan Hamka adalah dalam kaedah untuk mencapai hakikat atau makrifat di mana Imam al-Ghazali menekankan untuk mencapai makna hakikat, maka manusia harus melaksanakan *uzlah* sedangkan menurut Hamka, mencari kebenaran sejati adalah dengan aktif dalam pelbagai bidang kehidupan sosial.

Selanjutnya, dalam era pasca-modernisme, kita melihat suasana yang diwarnai oleh pelbagai krisis sosial yang semakin meruncing dalam pelbagai aspek kehidupan. Akhlak masyarakat semakin tercalar dan kejadian jenayah semakin meningkat. Usaha untuk mengembalikan nilai-nilai keagamaan telah mendorong kebangkitan karya-karya klasik dengan pendekatan baru, termasuk dalam bidang tasawuf. Karya-karya tasawuf yang dihasilkan oleh penulis kontemporari seperti al-Taftazani menunjukkan perkaitan yang kukuh dengan tradisi Islam. Ini menggambarkan bahawa kebangkitan tasawuf kontemporari disifatkan oleh pendekatan yang mantap yang menggabungkan spiritualisme tasawuf dengan prinsip-prinsip syariah.

Lebih lanjut lagi perkara ini menjadi minat oleh seorang ilmuan Muslim Moinuddin Chisti (1985) apabila menghasilkan karya bertajuk: *The Book of Sufi Healing*. Dalam bukunya, Chisti menjelaskan bahawa tasawuf yang diamalkan dan dilebar-luaskan oleh sufi kontemporari adalah berbeza dari sufisme yang telah difahami oleh ramai selama ini, iaitu sufisme yang hampir terputus daripada akar (Islam) dan cenderung untuk berpisah atau eksklusif. Dalam konteks ini, perkembangan sufisme baru-baru ini, seperti yang dinyatakan oleh Akhbar S. Ahmed (1992) dalam bukunya berjudul: *Post-Modernism and Islam*, menunjukkan bagaimana pasca-modernisme membawa kesedaran masyarakat tentang kepentingan nilai-nilai agama, keperluan untuk toleransi, dan pentingnya memahami orang lain, semua ini tersirat dalam neo-sufisme.

Neo-sufisme secara terminologi telah dipopularkan oleh Fazlur Rahman (1984), pemikir Islam kontemporari dalam bukunya *Islam*. Fazlur Rahman (1984) menyebut bahawa neo-sufisme adalah reform-sufism yang bermaksud sufisme yang diperbaharui. Sekiranya zaman kegemilangan sufism dahulu, aspek yang paling dominan adalah sifat ekstatik-metafizik atau *mistik-filosofus*, maka dalam sufisme baharu ini ia digantikan dengan prinsip Islam ortodok. Neo-sufisme mengalihkan pusat pengamatan kepada pembinaan semula sosial-budaya masyarakat Muslim, sedangkan pengamalan sufisme terdahulu lebih kepada individualistik dan hampir tidak melibatkan diri dalam hal-hal kemasyarakatan.

Dalam hal ini, Fazlur Rahman (1984) mengungkapkan bahawa ciri-ciri neo-sufisme adalah puritanis (terlampau warak) dan aktivis. Tokoh-tokoh dan kumpulan yang bertanggungjawab dalam kebangkitan neo-sufisme disebut *ahl al-hjadi>s*. Kumpulan ini cuba untuk menyesuaikan sebanyak mungkin amalan-amalan warisan ahli sufi yang dapat diharmonikan dengan amalan Islam tradisional terutama dari sudut teknik-teknik zikir dan *mura>qaba>t* atau cara mendekatkan diri kepada Allah SWT. Menurut al-Qushashi (1909) dalam kitabnya berjudul: *al-Simt al-Majid* menyatakan bahawa sufi yang sebenarnya bukanlah yang mengasingkan dirinya dari masyarakat tetapi sufi yang sebenar adalah yang sentiasa berada di tengah masyarakat dan melakukan *al-'amr bi al-ma'ru>f wa al-nahy 'an al-munkar*, demi kemajuan dan kesejahteraan masyarakat.

Dalam hal ini, Said Ramadhan al-Buti (1965), tokoh ulama Syria mengutarakan konsep *al-ruhaniyya>t al-ijtima>iyya>t* atau *spiritualisme sosial*. Pendekatan beliau adalah sama dengan konsep yang dibawa oleh Fazlur Rahman dan beliau merupakan penggerak kepada konsep tersebut di Geneva. Al-Buti juga mengecam berkenaan dengan sikap dan cara hidup sufi yang banyak melakukan ibadah ukhrawi sehingga menyisihkan diri mereka daripada kehidupan bermasyarakat yang menurut beliau adalah kehidupan yang egois dan pengecut. Sikap ini adalah sikap pengecut. Menurut Syeikh Ramadhan al-Buti, sikap hidup yang benar adalah sikap *tawa>zun* iaitu sikap yang

menyeimbangkan kehidupan dunia dan akhirat disamping termasuk amalan kehidupan spiritualnya sangat tinggi.

Berdasarkan pandangan beberapa tokoh pemikir Islam, neo-sufisme atau boleh juga diidentifikasi dengan tasawuf kontemporari ini merupakan suatu aliran pemikiran yang membawa kaedah ibadah secara tradisional kepada suatu kaedah yang lebih mencapai kepada masyarakat. Ia tidak lagi dikhususkan kepada kumpulan-kumpulan atau jemaah-jemaah tertentu sahaja yang diamalkan secara tertutup tetapi membawa cara tradisional Islam ini kepada masyarakat umum yang pastinya kelak akan diperhalusi caranya tanpa meninggalkan disiplin-disiplin khusus serta adab-adab khusus dalam mengangkat amalan tersebut kepada masyarakat. Ini kerana amalan-amalan tasawuf, sufisme atau tarikat ini adalah amalan yang memerlukan disiplin yang tinggi. Nilai inilah yang menjelaskan Islam dengan nilai *kaffah* iaitu sempurna, mencakupi segala elemen kehidupan serta *tawazun* dalam segala aspek kehidupan dan segala segi ekspresi kemanusiaan (Muzakkir, 2007).

Tasawuf kontemporari ini sebenarnya merupakan penterjemahan amalan yang dipraktikkan oleh baginda Nabi SAW berdasarkan perilaku, percakapan, tindakan, tindak balas yang terdapat dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW dalam bentuk moden ataupun semasa. Kontemporari adalah segala kaedah yang dilakukan seperti cara pemakaian, kenderaan, penampilan, pendekatan adalah dalam bentuk moden. Namun perlakuan dalam bentuk kerohanian itu seperti zikir, suluk (pengasingan diri), riadah, doa atau apa sahaja amalan yang mendekatkan diri kepada Allah itu adalah kekal dengan nilai-nilai tradisional sebagaimana amalan terdahulu.

Fahaman Radikalisme dan Kecenderungan Perilaku Keganasan dalam Mencorakkan Amalan Keberagamaan

Beberapa kajian lepas yang boleh dijadikan kayu ukur berkenaan dengan fahaman radikalisme boleh dilihat melalui penulisan-penulisan lepas dengan sumber literatur. Terdapat jurang kajian terhadap kajian yang dilakukan dan seterusnya melihat tahap kesesuaian kajian ini untuk kepentingan atau keperluan ilmiah bagi masyarakat.

Umpamanya, sebuah kajian ilmiah yang boleh diteliti dan dihadami ialah kajian kumpulan penyelidik yang terdiri daripada Che Mohd Aziz et al. (2019) telah menulis sebuah artikel bertajuk: “Pengaruh Kefahaman dan Penerimaan Rakyat Malaysia terhadap Perjuangan Ideologi Daesh”, yang diterbitkan dalam jurnal *Kajian Malaysia*. Kajian ini melaporkan bahawa masyarakat Malaysia secara terbuka menerima idealogi radikal ini rentetan daripada perkembangan menular dan terikut-ikut dengan fahaman neo-salafi yang berlaku di Malaysia bahkan juga di Asia Tenggara hingga ke Asia Barat. Fahaman neo-salafi ini terkenal dengan sikap keras dalam keberagamaan, bahkan juga menonjolkan agenda politik menerusi sama ada kumpulan Daesh mahupun ISIS.

Che Mohd Aziz et al. (2019) seterusnya mempersoalkan dakwaan kuasa Barat yang mengakui telah melumpuhkan dan mengalahkan gerakan kumpulan Daesh di Syria, tetapi tidak dapat menyekat dan menghalang penyebaran ideologi ke pelusuk dunia sehingga ia disambut baik di wilayah Asia Tenggara. Perkara ini dilakukan dengan mudah dan cepat asalkan mempunyai akses aplikasi media sosial mereka berjaya menanam racun dan dakyah ideologi jihad. Bahkan terma ‘jihad’ begitu diterima umum untuk menakluki mangsa bukan sekadar untuk mendapat belas kasihan dan ihsan mereka malahan juga terselit elemen-elemen puji dan rayuan untuk terlibat sama dalam menegakkan ‘jihad’ ini. Penglibatan dalam jihad bersama mereka merupakan panggilan untuk mendapat gelar syuhada’ dan mudah memasuki syurga.

Gerakan Daesh di wilayah Asia Tenggara ini termasuklah di Malaysia mahupun Filipina memberi ancaman yang membahayakan berikutnya daripada perekutan berterusan dan sanggup menggadai nyawa demi ketataan kepada pimpinan Daesh. Menurut Che Mohd Aziz Yaacob (2019), berdasarkan sumber laporan PDRM, pihak polis mengesahkan bahawa pihak ini pernah membuat perancangan untuk melakukan huru-hara acara besar di Kuala Lumpur iaitu acara penutupan tamasya Sukan Asia Tenggara (2017) dan tamasya perbarisan Hari Kemerdekaan ke-60. Pihak

PDRM telah melumpuhkan perancangan tersebut ekoran daripada tangkapan 19 individu yang terdiri daripada 8 rakyat Malaysia dan 11 bukan rakyat Malaysia. Bahkan sumber PDRM melalui Cawangan Khas telah mengumumkan bahawa perancang serangan tersebut adalah ahli kumpulan Abu Sayyaf berwarganegara Filipina. Pada 2015, dia telah menyeludup masuk menerusi Sandakan, Sabah dan kemudiannya ke Kuala Lumpur. Berita tangkapan ini disiarkan di akhbar tempatan di Malaysia seperti *Utusan Borneo Online* bertarikh 6 September 2017.

Pembongkaran oleh PDRM ini membuka tembelang ideologi militan Daesh yang bukan dari syariat Islam, bahkan ia bercanggah dan bertentangan kehendak maqasid syariah. Mereka menggunakan apa-apa sahaja cara untuk mencapai matlamat mereka walaupun dengan membunuh orang Islam sendiri tanpa mengira peringkat umur. Pemikiran serong ini mengakar umbi kelompok ini sehingga melakukan keganasan terhadap sesiapa sahaja yang tidak sefahaman dengan mereka.

Seterusnya kajian Moh Hasyim Afandi (2016) juga mempunyai kaitan langsung dengan isu radikalisme. Kajian beliau bertajuk: “Menghadang Radikalisme di Bumi Nusantara” telah diterbitkan dalam *Jurnal Lantera: Kajian Keagamaan, Keilmuan dan Teknologi*. Artikel ini menjelaskan bahawa syariat Nabi Muhammad SAW bersih daripada elemen keganasan, bahkan ia membawa obor perdamaian dan kerahmatan. Dalam hal ini, Islam menolak elemen keganasan yang timbul lantaran daripada perbezaan pandangan. Islam hanya menggunakan kekuatan apabila hendak menghentikan kejahanatan manusia yang membawa kehancuran masyarakat umum.

Dalam konteks ini, pandangan tegas Profesor Dr. Azumardi Azra telah dipetik dan diulas oleh Muzayyinatal Hamidi (2015) menerusi tulisannya bertajuk: “Menenun Perdamaian, Menangkal Radikalisme”. Tulisan ini merumuskan pandangan Profesor Dr. Azumardi Azra secara tuntas bahawa radikalisme Islam merujuk kepada gagasan, pemikiran, ideologi, dan gerakan Islam yang melibatkan tindakan seperti intimidasi, kekerasan, dan ancaman. Ini boleh berpunca daripada doktrin agama, membela kumpulan, atau sebagai maklum balas terhadap lawan politik yang ditentang. Menurut garapan definisi yang disampaikan oleh seorang tokoh akademik terkemuka dari Indonesia, ancaman radikalisme merupakan satu risiko kepada semua pengikut agama di seluruh dunia. Ini kerana dalam ideologi radikal, tidak wujud konsep keamanan dan kedamaian; sebaliknya, hanya tindakan bersenjata dan kekerasan yang digalakkan. Ideologi mereka telah meresap begitu dalam dalam diri mereka, menyebabkan mereka hanya bertindak mengikut keyakinan mereka.

Bagi Asep Syamsul M. Ramlil, seorang pengkaji gerakan radikal di Nusantara, terdapat kelompok-kelompok fundamentalis yang mempunyai pandangan yang berbeza dan sering menggunakan nama perjuangan Islam, al-Quran, dan al-sunnah. Namun, pandangan fundamentalis ini sering melampaui batas-batas yang sebenar dalam agama Islam. Ini kerana sesetengah daripada kelompok-kelompok ini menganut pandangan tersebut atas dasar kepentingan politik dan habuan dunia. Ciri-ciri fundamentalis yang radikal ini biasanya bersifat kaku dan literalis. Hasilnya, cara pemikiran sedemikian menyebabkan kelompok atau individu tersebut menjadi tidak toleran, radikal, sempit pemikiran, bersemangat secara berlebihan, atau cenderung ke arah mencapai matlamat dengan menggunakan kekerasan. (Moh Hasyim Afandi, 2016).

Seterusnya kajian Mohd Mizan Aslam (2018) dengan tajuk: *A Model of Deradicalism in Malaysia*, yang diterbitkan dalam buku *International Case Study of Terorist Rehabilitation*, mempunyai elemen-elemen penting berkaitan kumpulan radikal. Dalam hal ini, Mohd Mizan Aslam menjelaskan bahawa kumpulan radikal berkecenderungan menyalah-gunakan terma jihad sebagai perjuangan yang suci dan diiktiraf Tuhan, lantas mereka bertindak keras berperang dengan pihak Barat. Mereka memanipulasikan golongan muda dengan *brain-wash* pemikiran dan tindakan golongan muda ini supaya meyakini tindakan tersebut adalah perintah Tuhan dan mereka dapat menyucikan dosa dan kesalahan mereka yang lalu.

Aktiviti bersifat *ghuluw* (melampau) ini perlu di atasi kerana jika ia dibiarkan dalam masyarakat, sudah pasti akan menjadi barah yang boleh merebak dan merosakkan organ-organ lain di tubuh

badan (Islam). Profesor Dr. Nicholas Majid menyebut terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk berhadapan dengan kelompok ini. Antaranya menurut beliau ialah:

1. Memahami dan mengembangkan kefahaman al-Quran yang tidak dibatasi dengan pola penterjemahan Timur Tengah sahaja.
2. Memahami dan mengembangkan pola dimensi kerohanian dan kecintaan Ilahi sebagaimana memahami makna solat boleh difahami sebagai penyatuan dengan Allah, zakat sebagai penyatuan dengan kemanusiaan, haji sebagai penyatuan dengan umat, puasa sebagai penyatuan dengan orang yang kelaparan.
3. Memahami dan mengembangkan kefahaman dimensi interaksi sosial Islam dalam memahamkan masyarakat kepentingan besar masyarakat itu lebih utama berbanding kepentingan peribadi seseorang itu. Ia juga bermaksud memberikan kefahaman terhadap kepentingan hubungan sosial itu kepada masyarakat.

Selanjutnya, tinjauan literatur kajian lepas juga memfokuskan kepada kecenderungan perilaku dan sikap radikal. Isu kecelaruan pemikiran ini boleh dirujuk dalam banyak tulisan, antaranya ialah tulisan Wan Ismail Wan Dagang, Mohd Nasir Masroom, Ahmad Syukran Baharuddin, dan Mohd Ismail Mustari (2015) dengan judul: “Ancaman Pemikiran Aliran Islam Liberal Kepada Umat Islam di Nusantara: Satu Sorotan Kajian”, yang diterbitkan dalam *Jurnal Sains Humanika*. Wan Ismail (2015) menjelaskan bahawa kecelaruan pemikiran dalam sejarah umat Islam terlah berlaku pada setiap zaman. Ia telah mewarnai rantaian sejarah yang panjang bermula daripada zaman baginda Nabi Muhammad SAW, zaman sahabat, zaman *t'abi*' dan *t'abi*' *al-t'abi'i*>, zaman Khalifah Uthmaniah, Khalifah Abassiyah dan Khalifah Othmaniah. Ia berlanjutan sehingga zaman sekarang, dan sehingga berlakunya hari kiamat nanti. Kemunculan kecelaruan pemikiran dalam Islam ini telah banyak menyebabkan umat Islam tergelincir kepada kancang kesesatan dan kerosakan akidah. Antaranya ialah munculnya aliran pemikiran seperti postmodernisme, rasionalisme, liberalisme, pluralisme dan sekularisme. Ia muncul atas bermacam-macam nama kemajuan dan teknologi serta kemodenan yang bersesuaian dengan peredaran zaman atau pasca-modernisme. Pola fikir ini telah dibentuk dengan mendepankan kebebasan dan keterbukaan sehingga melanggar prinsip-prinsip syariah dan hukum-hukum yang terdapat dalam kitab dan agama-agama lain khususnya agama Islam. Pengaruh pemikiran ini bermula di Barat serta sudah mula masuk ke rantau Nusantara dan idea-idea mereka sudah mula menular, mencapah dan menguasai ke dalam pemikiran masyarakat Islam.

Sumber Wan Ismail (2015) ini juga mengaskan bahawa perancangan untuk menjatuhkan imej Islam merupakan suatu perancangan yang telah disusun dengan rapi pada tempoh yang cukup lama. Ini kerana musuh-musuh Islam telah mengkaji, mempelajari serta mencari di mana kelemahan umat Islam. Sejarah lampau telah memberikan jawapan kepada kekuatan-kekuatan serta kelelahan-kelelahan umat Islam maka melalui infomasi dan dapatan yang telah mereka perolehi selama puluhan bahkan ribuan tahun, maka mereka boleh merangka acuan untuk menakluki umat Islam sebagaimana yang mereka kehendaki. Kaedah yang paling berkesan dalam menundukkan umat Islam bukanlah dengan cara peperangan yang terbuka kerana di situ merupakan kekuatan sebenar umat Islam, tetapi cara menakluki umat Islam adalah dengan serangan pemikiran dan kebudayaan (*ghazwat al-fikr wa al-thaqafi*). Ia merupakan sebuah bentuk serangan yang secara tidak langsung tetapi tersusun bagi tujuan untuk meruntuhkan pegangan agama masyarakat Islam dan akhirnya akan memberi kesan kepada keruntuhan tamadunnya.

Seterusnya Wan Ismail (2015) juga membangkitkan pandangan sarjana Islam bahawa kecenderungan perilaku radikalisme ini adalah daripada sikap kejahilan yang melibatkan kefahaman ilmu agama. Kejahilan agama merupakan asas kepada *world view extremist*. Asas kepada agama Islam adalah memerangi kejahilan dengan ilmu pengetahuan sebagaimana hadis, iaitu:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.

Maksudnya: Menuntut ilmu adalah kewajiban bagi setiap individu Muslim. (HR Ibnu Majah, No. 224)

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يُلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ.

Maksudnya: Siapa yang menempuh jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan mudahkan baginya jalan menuju syurga.

(HR. Muslim, no. 2699)

Selanjutnya, kecenderungan perilaku dan sikap radikal turut menjadi subjek utama kajian oleh kumpulan penyelidik Universiti Malaya yang terdiri daripada Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Mohd Imran Abdul Razak, Siti Maimunah Haji Kahal, Rabiatul Adawiyyah binti Mohamed Ratha, dan Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli (2018). Kumpulan penyelidik ini menghasilkan artikel berjudul: “Psikologi Terorrisme Agama: Antara Bebalisme dan Fanatisme”, yang telah diterbitkan dalam *Jurnal Wasatiyyah Malaysia*. Artikel jurnal ini merumuskan bahawa Islam menekankan pentingnya ilmu dan menetapkan syarat bahawa ilmu adalah keperluan asas dalam memahami dan melaksanakan tugas-tugas agama. Agama Islam menyeru penganutnya untuk memperoleh pengetahuan yang komprehensif dan menyeluruh serta menolak dengan tegas kejihilan dan tindakan-tindakan yang mengakibatkan kejihilan, terutamanya dalam hal agama. Kejihilan ini menyebabkan ramai masyarakat Islam terperangkap dalam perilaku yang menunjukkan sifat rohani yang lemah dan degil, ketegaran hati, dan keengganan untuk memperoleh ilmu walaupun melalui pengajaran dan ceramah di masjid dan surau. Sikap kejihilan ini menjadi punca kepada tindakan ekstremisme yang bercanggah dengan objektif syariat.

Pendapat di atas sinonim dengan gambaran kejadian yang berlaku dalam kes pengeboman di Bali pada tahun 2002. Dalam hal ini, hasil penelitian dan kajian Mirra Noor Milla (2013) boleh dirujuk-silang. Beliau telah menghasilkan tulisan berjudul: “*The Impact of Leader–Follower Interactions on the Radicalization of Terorists: A Case Study of the Bali Bombers*” yang telah diterbitkan dalam *Asian Journal of Social Psychology*. Kajian Milla ini secara umumnya merumuskan bahawa kecetekan ilmu agama merupakan penyebab kepada tindakan kes pengeboman di Bali. Sementara secara terperinci kajian Mila ini boleh diklasifikasikan sebagaimana berikut:

1. Kelompok yang cetek ilmu agama membuka ruang luas dipengaruhi dengan propaganda keganasan seperti Amrozi.
2. Mereka tidak menyesal atas tindakan yang mengakibatkan kematian seramai 202 dan kecederaan parah seramai 240 orang.
3. Pemikiran sempit dalam pengajian agama.
4. Terpengaruh dengan indoktrinasi ideologi salafi jihadi di Afghanistan

Kesannya, pandangan dunia Islam boleh menjadi keliru apabila dipengaruhi oleh pemikiran ekstremis. Oleh itu, adalah sukar untuk menyelamatkan individu yang terjebak dalam ideologi ekstremis kerana mereka menganut pandangan dunia yang salah. Lantaran itu, adalah penting untuk memahami Islam sepenuhnya sebagaimana yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW. Ini kerana keperluan hidup manusia tidak hanya berkaitan dengan aspek jasmani dan kebendaan, tetapi juga melibatkan dimensi spiritual yang penting dalam membentuk pandangan dunia dan kerangka pemikiran seseorang (Nasr, 1990). Dimensi rohani merujuk kepada aspek hati (*qalb*) yang menggalakkan pembangunan personaliti manusia secara harmoni. Dimensi rohani berfungsi sebagai benteng dalaman yang menggalakkan kebaikan. Hati diisi dengan kekuatan iman, taqwa, tawakal, kesabaran, ketulusan, kejujuran, dan amanah yang membawa kebahagiaan dan kesejahteraan (Abdullah Muhamad Zain, 2017).

Selanjutnya, sumber penting juga telah dihasilkan oleh Kumar Ramakrishna (2009) dengan tajuk: “*Govermental Responses to Extremism in Southeast Asia: Hard Versus Soft Approches Conflict, Community and Criminality in Southeast Asia and Australia*”. Kumar Ramakrishna mendapati

bahawa ideologi pengganas ini telah menerapkan *world-view* Islam yang keliru terhadap mereka. Menurut beliau lagi bahawa seorang yang terjebak dengan pemikiran terorisme biasanya adalah seorang yang bermasalah dengan kerohanianya. Mereka berlatar-belakangkan dengan masalah kekosongan pegangan agama dan kecelaruan jiwa. Beberapa faktor juga turut mengundang perilaku tersebut sebagaimana dirumuskan seperti berikut:

1. Mereka dahagakan sentuhan spiritual.
2. Terlalu mempercayai seseorang sehingga menjadikan seseorang ekstrimis sebagai rujukannya.
3. Cenderung kepada menjadi insan yang kuat beragama tetapi tidak mengikuti ajaran agama yang menekankan budaya ilmu sebagai asas ibadah.
4. Habuan dan himpitan kewangan.

Kelompok yang bercirikan empat faktor di atas merupakan golongan yang berpotensi untuk menjadi sasaran dan habuan oleh perekut kumpulan ekstrimis dengan memenuhi segala kekurangan yang terdapat dalam hidup mereka. Mereka akan dibawa untuk mengikuti program-program usrah yang berbentuk keagamaan. Kecetekan ilmu agama yang terdapat pada mereka menyebabkan mereka sangat senang sekali untuk dimanipulasi dan di doktrinasi dengan agenda-agenda terorisme. Bentuk-bentuk program akan dilakukan secara rahsia dengan menamakan program-program dengan nama-nama agama seperti kaedah dakwah rasul ketika mula-mula Islam diturunkan dengan nama dakwah secara *sir* (sembunyi). Kajian lapangan daripada Wakhid Sugiyanto (2015) dengan tajuk: *Profil Keagamaan Terpidana Terorisme di Nusa Kembangan Jawa Tengah (Kasus Imam Samudera)*, menemukan dapatan yang mustahak. Kajian yang dilakukan oleh Wakhid Sugiyanto ini menghuraikan profil perilaku keagamaan dalam kalangan tahanan pengganas di penjara Indonesia, dan menemui bahawa:

1. Kebanyakan dari penjenayah melampau Islam ini memiliki tahap pendidikan yang rendah. Hanya dua orang pelaku yang diketahui memiliki pendidikan tinggi.
2. Mereka menganut aliran Nahdatul Ulama (NU), yang mempunyai kesedaran agama yang tinggi tetapi tidak sehaluan dengan model tradisional yang diamalkan oleh NU. Akhirnya, mereka membuat perubahan dengan menerima fahaman yang lebih tegas dan ketat seperti aliran Wahabisme.
3. Dorongan untuk menyertai jihad diperolehi melalui penglibatan dalam program-program ringkas di kem-kem di Indonesia yang bertopengkan atas nama program Islam.
4. Bagi mereka, jihad bermakna membela nasib umat Islam yang tertindas, seperti penindasan yang berlaku di Ambon, Indonesia. Sungguhpun sebahagian besar mereka membantah Imam Samudera yang melakukan pengeboman di Bali, namun terdapat sebahagian kecil yang menyokong tindakan tersebut dengan alasan-alasan yang dangkal dan mengabaikan pandangan ulama-ulama yang lain.

Selanjutnya, menurut Rahimin Affandi et. al (2018) dalam tulisan kajian mereka iaitu *Psikologi Terorrisme Agama: Antara Bebalisme dan Fanatisme*, penyelidik dari Barat lebih menjurus memberikan gambaran tentang psikologi individu yang terlibat dalam radikalisme agama dengan pelbagai ciri yang berlawanan, sedangkan berbeza pula dengan perlaku itu sendiri bahawa mereka adalah pahlawan dalam perjuangan suci, peperangan suci, jalan jihad dengan mengorbankan harta dan nyawa demi agama yang tercinta. Pengkaji dari Barat juga sering menyatakan teori serta menyediakan teori yang agak komprehensif mengenai ekstremisme Islam. Mereka dapat meramalkan dan mencadangkan penyelesaian untuk mengatasi serangan ekstremisme Islam, tetapi ketika membincarakan psikologi pengganas, mereka tidak dapat mengurai masalah tersebut. Mereka menggambarkan kajian mengenai manusia sebagai *thinking/rational animal* yang hanya terdiri daripada unsur jasmani. Manusia dianggap tidak memerlukan dimensi keagamaan dalam kehidupan, sebaliknya hanya memerlukan kepuasan naluri fizikal, nafsu, makanan, minuman, dan pencapaian diri. Dengan menolak agama sebagai aspek rohani, manusia dipandang sebagai robot yang tidak memerlukan dimensi spiritual dalam kehidupannya.

Kesan Pengamalan Tasawuf Kontemporari dalam Menangani Pemikiran Radikal Beragama di Sarawak

Beberapa pendekatan pencegahan yang dilakukan kepada golongan yang berisiko untuk terdedah kepada ideologi melalui pendidikan seperti mahasiswa, jemaah dakwah serta khusus pelajar-pelajar aliran agama yang belajar di sekolah pondok sama ada dalam dan luar negara. Beberapa pengkaji telah melakukan kajian dan mendapatkan beberapa dapatan dalam kajian mereka berkenaan dengan peranan tasawuf dalam membina akhlak atau mengembalikan fitrah suci bersih seseorang itu. Dapatan yang menunjukkan bagaimana tasawuf ini memberikan impak positif kepada sasaran, namun terdapat juga kes di mana tasawuf ini juga menjurus kepada kesesatan kerana sikap melampau dan tiada guru mursyid (pembimbing) sebenar menyebabkan jalan tasawuf yang diikuti bukanlah inti kepada tasawuf yang menjadi cerminan akhlak Nabi Muhammad SAW.

Hubungan institusi pesantren dengan pembentukan akhlak yang tinggi itu boleh dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Jauhar Fuad (2013) dengan tajuk “Pendidikan Karakter dalam Pesantren Tasawuf” yang diterbitkan dalam *Tribakti: Jurnal Pemikiran KeIslamam*. Jauhar Fuad (2013) merumuskan bahawa institusi pesantren ataupun sekolah pondok adalah suatu institusi pendidikan bagi pelajar-pelajar yang telah bersedia untuk menerima pelajaran-pelajaran agama Islam sebagai tempat berkumpul serta menerima pelajaran dan tempat tinggalnya. Pesantren didefinisikan sebagai suatu tempat pendidikan dan pengajaran yang menekankan pelajaran agama Islam dan terdapat sebuah asrama sebagai tempat tinggal pelajar-pelajarnya. Pesantren adalah suatu lembaga atau institusi pendidikan yang berorientasi pada pembentukan manusia yang memiliki semestinya mempunyai kedudukan moral dan nilai keagamaan Islam dan sosial yang tinggi yang diterjemahkan dalam sistem pendidikan dan para pengajarannya. Dengan demikian, maka orientasi gerak dan pengajaran ilmu-ilmu agama dan pendidikan sosial di pesantren adalah sebuah proses pembentukan karakter (*character building*) yang berteraskan pendidikan Islami. Tasawuf menjadi jalan kepada menuju sumber karakter, ini ditunjukkan oleh sebuah ungkapan masyhur Imam al-Ghazali iaitu: ‘Berakhhlaklah dengan akhlak Allah’. (Muhammad Mushfique, 2018). Maka bertitik tolak dari hadis inilah di dalam tradisi sufi ia sahaja selalu membincangkan berkenaan kesungguhan dalam meneladani dan mengambil sifat-sifat Allah sebagai sumber dan metode pembentukan karakter manusia.

Manakala pembangunan insan yang tepat seharusnya mempunyai acuan yang berdasarkan dengan acuan al-Quran dan al-sunnah nabawiyah khususnya kepada kaum Muslimin. Menurut Jauhar Fuad (2013), rapuhnya sesuatu karakter bangsa itu apabila bangsa tersebut hilang jati dirinya dengan melakukan kerosakan kepada keaslian peradaban yang sedia ada pada bangsa tersebut. Sesuatu bangsa atau ketamadunan itu dapat dipertahankan selama mana mereka mengekalkan jati diri agama dalam diri mereka. Pendekatan tasawuf yang menekankan penghayatan adab dijangka dapat mengekalkan kesinambungan akhlak pada dari satu generasi ke satu generasi. Dengan melahirkan ramai anak yang memiliki akhlak yang baik melalui pendidikan tasawuf maka mereka akan mengimbangi generasi-generasi yang berpendidikan Barat yang akan cuba untuk mengubah struktur bangsa dengan menawarkan idea moden acuan Barat untuk dijadikan sebagai acuan kehidupan masa akan datang.

Melalui pendidikan tasawuf, generasi akan datang perlu diisikan dengan elemen-elemen yang tidak akan memesongkan jati diri mereka kepada hal-hal yang boleh merosakkan pemikiran dan termasuk iktikad yang ada pada mereka. Melalui proses penerapan elemen tasawuf melalui pendidikan secara formal akan menjadikan kemahiran interpersonal mereka dapat dilihat keberhasilannya. Walaupun kadang-kadang penerapan tasawuf ini juga berlaku melalui pendidikan tidak formal, ia sahaja tetap akan menghasilkan impak yang positif. Orang yang berkarakter akan memiliki beberapa ciri-ciri seperti mempunyai perwatakan sendiri, berkeperibadian baik, berakhhlak, dan mempunyai tabiat.

Che Noraini Hashim dan Hasan Langulung (2008) pula melanjutkan kajian berkaitan pembangunan karakter yang Islamik menerusi kajian bertajuk: “*Islamic Religious Curriculum in Muslim Countries: The Experiences of Indonesia and Malaysia*”. Kajian Cik Noraini & Hasan (2008) ini

menjelaskan bahawa pendidikan dan institusinya merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam pembangunan manusia dan mungkin juga merupakan hal yang mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam institusi sosial di dalam mana-mana kumpulan masyarakat. Islam melihat bahawa pendidikan itu boleh dalam bentuk ibadah di mana masyarakat Islam itu berkongsi nilai-nilai murni berdasarkan apa yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW. Islam telah meletakkan bahawa pendidikan itu merupakan suatu proses yang bersifat berterusan (*long life process*) dalam mempersiapkan individu tersebut menjadi seorang pemimpin atau khalifah.

Selanjutnya isu mengenai proses membangunkan karakter yang Islamik boleh dirujuk silang dalam tulisan Wan Zulkifli Wan Hassan, Nazri Muslim, Nik Yusri Musa, dan Azizi Umar (2011) yang bertajuk: “Idea Imam Shafi’i dalam Bidang Pembangunan Manusia Melalui Kemahiran Interpersonal”, yang diterbitkan dalam buku berjudul: *Human Development*. Dalam hal ini, Wan Zulkifli Wan Hassan (2011) mengulas pandangan Imam Syafie yang menegaskan bahawa mereka yang memiliki kefahaman dalam bidang agama khususnya berkenaan dengan ilmu-ilmu tasawuf akan menjadikan mereka seorang yang akan memiliki kebolehan serta berkemahiran dalam berinteraksi dengan masyarakat dengan cara yang baik. Kebolehan lahir berdasarkan acuan agama yang telah sebatи dalam diri mereka. Kemahiran interpersonal sangat penting kepada seseorang kerana ia berfungsi sebagai alat dalam kehidupan seharian mereka terutama apabila berhadapan dan berinteraksi dengan masyarakat.

Profesor Dr. Syed Muhammad Naqib al-Attas (1977) telah mengulas mengenai terminalogi pendidikan Islam dalam sebuah tulisan bertajuk: “*Preliminary Thoughts on the Nature of Knowledge and the Definition and Aims of Education*,” semasa *First World Conference on Muslim Education* di Mekah, Arab Saudi. Beliau mengulas bahawa tujuan yang ada dalam falsafah pendidikan Islam bukanlah bertujuan hanya untuk memenuhi pengetahuan pelajarnya dengan fakta-fakta serta hal-hal yang berkaitan dengan keduniaan, tetapi hakikat sebenar falsafah pendidikan Islam adalah untuk mendapatkan pengetahuan berkenaan dengan matlamat dan tujuan kehidupan sebagai seorang manusia serta menyediakan mereka untuk memahami konsep kesucian (rohani dan jasmani) dan keikhlasan dalam makna kehidupan. Segala kesungguhan dalam pembinaan watak manusia adalah berdasarkan cita-cita yang dikehendaki oleh etika Islam bagi mencapai matlamat pendidikan Islam yang paling tinggi. Di sini Naqib al-Attas menekankan pada pembinaan watak yang perlu dibentuk bersama dalam kurikulum pendidikan yang dianggap sebagai objektif pendidikan Islam yang paling tinggi. Takrifan pendidikan Islam yang lebih komprehensif telah dimeterai pada Persidangan Dunia Pertama tentang Pendidikan Islam di Mekah, Arab Saudi pada tahun 1977, sebagaimana pernyataan berikut:

Education should aim at the balanced growth of the total personality of man through the training of man’s spirit, intellect, his rational self, feelings and bodily senses. Education should cater therefore for the growth of man in all its aspects: spiritual, intellectual, imaginative, physical, scientific, linguistic, both individually and collectively and motivate all aspects towards goodness and the attainment of perfection. The ultimate aim of Muslim education lies in the realization of complete submission to Allah on the level of the individual, the community and humanity at large.

(al-Attas, 1977)

Dengan demikian sebagaimana yang dipersetujui oleh sarjana-sarjana Islam berkenaan deklarasi Persidangan Dunia Pertama tentang Pendidikan Islam di Mekah, Arab Saudi pada tahun 1977, jelaslah ia menunjukkan keperluan mendesak untuk membina sistem dan masyarakat yang berteraskan Islam. Dengan kata lain, pelaksanaan kaedah pendidikan dan kurikulum hendaklah berteraskan panduan yang telah digariskan oleh corak pandang Islam ataupun acuan yang terdapat dalam Islam iaitu al-Quran dan al-sunnah (Al-Attas, 1977).

Dalam hal ini juga, M. Ihsan Dacholfany (2015) telah merumuskan bahawa penyebaran Islam di Alam Melayu termasuk Nusantara adalah melalui kaedah pendekatan sufistik ataupun tasawuf. Mereka berhasil mengislamkan sebahagian besar penduduk di Nusantara hasil daripada pembawaan elemen tersebut dengan sangat bagus serta berkesan sehingga menampakkan keindahan yang

terdapat dalam ajaran Islam. Keupayaan menukar kepercayaan masyarakat daripada agama lama kepada ajaran Islam merupakan sesuatu yang sangat luar biasa kerana bukanlah sesuatu yang mudah apabila menukar satu-satu amalan dan kepercayaan masyarakat tersebut yang sudah mendarah daging dalam kehidupan mereka.

Berdasarkan perkembangan zaman moden, masyarakat sekarang ini sedang mengalami krisis moral dan menjadi penyebab utama ketidak-tentuan budaya dan sosial masyarakat masa ini. Sekiranya krisis moral ini dibiarkan, maka kemungkinan besar masyarakat ini akan hancur masa depannya. Untuk itu sangat penting untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan teknologi yang mempunyai ciri-ciri moral. Hal ini perlu kerana ilmu pengetahuan dan teknologi merupakan suatu yang digunakan ataupun alat kehidupan yang memudahkan perjalanan kehidupan sehari-hari namun sering disalahgunakan. Sehingga pada zaman sekarang, kehidupan semakin mencabar dan persaingan semakin tinggi untuk mendapatkan tempat terbaik dalam kehidupan sehingga membuat manusia mengalami tekanan dan kemurungan. Manusia moden menganut pola hidup materialistik dan hedonistik. Jiwa manusia moden telah terpecah belah (*split personality*) sehingga kadang mereka hilang rasa sebagai seorang manusia di mana mereka tidak mengetahui makna tujuan kehidupan.

Menurut Dacholfany (2015), kewujudan Pondok Pesantren yang ada di Indonesia sudah pasti memiliki maksud dan tujuan tertentu, sebagai contoh Pondok Modern Darussalam Gontor selalu terus berkembang dan berinovasi serta melakukan perubahan serta pembaharuan dalam proses pendidikan dan pengajaran dengan tidak keluar dari sesuatu yang telah ditetapkan. Perubahan yang berlaku adalah bertujuan untuk menyesuaikan segala hal memang diperlukan untuk menghadapi cabaran zaman dan perubahan teknologi informasi. Kewujudan Pondok Pesantren sama ada beraliran salaf ataupun khalaf (moden) pada waktu ini akan berhadapan dengan cabaran arus globalisasi, yang telah melanda di berbagai belahan dunia yang merupakan akibat dari pesatnya perkembangan teknologi komunikasi, informasi dan transformasi.

Zaman yang telah memasuki abad ke-21 yang dianggap sebagai abad millinium baru yang belum diketahui bagaimana bentuk, kejadian dan permasalahan yang akan dihadapi serta akan dibawa ke mana masyarakat apalagi dengan adanya perdagangan era perdagangan bebas dan globalisasi, di mana persaingan dan antara satu dengan yang lainnya semakin ketara baik secara individu, kelompok bahkan negara sekalipun. Persaingan antara individu, antara negara dan antara perusahaan akan semakin tinggi. Sebagai contoh sekarang ini banyak pesantren yang mengharapkan adanya pentarbiyan yang dilaksanakan secara seimbang antara nilai-nilai sikap, pengetahuan, kecerdasan dan ketrampilan serta meningkatkan kesedaran terhadap persekitaran masyarakat setempat.

Proses penyingkiran ideologi ekstremisme melalui konsep pembangunan individu juga memainkan peranan yang penting. Pembangunan individu ini berkait rapat dengan aspek akhlak. Dari segi terminologi, para ahli bahasa Arab seperti Ibn Manzur, E.W Lane (1980), S.M Afnan (1964) memberikan definisi akhlak sebagai susila, adat, tabiat, tingkah laku, norma, kebiasaan, martabat, gaya hidup, atau agama yang diamalkan oleh individu. Dari perspektif falsafah, akhlak menurut definisi tokoh-tokoh falsafah sains dan moralis Islam terkenal seperti Misykaweh (1966), Imam al-Ghazali (1976), dan Nasir al-Tusi (1964) merujuk kepada suatu bidang ilmu yang mengkaji keadaan batin atau jiwa insan. (Omar, 2020)

Kefahaman Barat berkenaan definisi akhlak juga kadang-kadang berbeza. Perbezaan tersebut juga akan mempengaruhi konsep pembangunan insan. Akhlak menurut definisi Barat adalah etika ataupun moral. Sarjana-sarjana Barat yang mengkaji perihal makna moral ataupun etika ini seperti Baelz (1977), Mackie (1971) dan Sidgwick (1968) menggambarkan bahawa etika dan moral memiliki makna yang hampir serupa, iaitu norma, adat, sosial, kebiasaan, tradisi, dan agama individu (Omar, 2020). Beberapa tokoh falsafah dan moral klasik terkenal seperti Plato (1971, 1974), Aristotle (1980, 1985), dan Galen (1973, 1981), juga mengemukakan bahawa akhlak terbentuk sebagai maklum balas manusia terhadap pelbagai kekuatan yang beroperasi dalam jiwa mereka. Sebagai contoh, dalam *The Republic* (1974:125-128), Plato mengemukakan bahawa jiwa manusia memiliki tiga fakulti yang mempengaruhi pembentukan akhlak. Pertama, fakulti rasional yang membolehkan

manusia memikirkan kebaikan dan keburukan serta membuat keputusan dan tindakan yang berkaitan. Kedua, fakulti marah yang menjadi sumber kepada segala sentimen moral manusia seperti kemarahan, kasih sayang, hormat, dan iri hati. Ketiga, fakulti syahwat yang berkaitan dengan segala keperluan biologi manusia seperti nafsu seks, nafsu makan, dan lain-lain. Dalam *Timaeus* (1971:97-100), Plato pula menjelaskan bahawa fakulti rasional beroperasi melalui organ otak manusia, fakulti marah menggunakan organ hati, dan fakulti syahwat menggunakan organ limpa.

Kecerdasan spiritual tiada kaitan dengan keagamaan menurut perspektif Barat. Ia merupakan suatu proses dalam manusia yang memerlukan kepada rawatan secara alami dan tiada kaitan dengan agama. Konsep atau gagasan ini banyak dipegang oleh pengamal rawatan psikologi yang berpegang dengan asas *spiritual but not religious*. Pendukung konsep ini memisahkan kerohanian dari agama. Melalui kefahaman seperti ini, bentuk solusi yang cuba disediakan tidak akan sampai kepada maksud kesembuhan daripada masalah yang dihadapi. (Tajulashikin & Nor Faizah, 2014)

Muncul juga teori daripada Goleman (1995) iaitu teori kecerdasan emosi namun ia juga tidak memadai untuk menyelesaikan permasalahan manusia yang semakin kompleks yang seolah-olah semakin hilang pertimbangannya. (Tajulashikin & Nor Faizah, 2014) Permasalahan manusia pada zaman sekarang biasanya berkaitan dengan masalah kehidupan seperti keperluan kepada harta, kewangan, tekanan untuk memperbaiki kehidupan, berlumba-lumba mencapai kemewahan dan yang seumpama dengannya. Permasalahan ini berlaku kerana dorongan jiwa yang menginginkan kesenangan walaupun hanya seketika. Hal ini mendorong manusia melakukan apa sahaja agar kehendak hawa nafsunya terpenuhi. Mereka yang menghadapi permasalahan ini harus disedarkan agar mereka tidak terdorong untuk merosakkan diri mereka sendiri.

Terdapat pandangan daripada sarjana Barat iaitu Amham (2007) yang mengambil pendekatan kualitatif iaitu pendekatan tradisi pelbagai agama untuk mengesahkan tradisi dan dimensi kecerdasan spiritual yang dikenal dengan nama *ecumenical grounded theory*. Mengikut kaedah ini dalam konstruk kecerdasan spiritual, Amham telah membahaskan setiap sudut dimensi kecerdasan spiritual yang pernah dikemukakan sebelum ini untuk memenuhi andaian tersebut. Namun Amham cuba untuk mengasingkan elemen formal keagamaan dalam konsepsinya agar konstruk yang diutarakan beliau lebih bersifat universal bagi membolehkan instrumen pengukuran yang dibina boleh diaplikasikan oleh pelbagai lapisan demografi masyarakat. Konsep kecerdasan spiritual oleh Amram mempunyai pengaruh sekularisme dan pluralisme yang sama sekali tidak bersesuaian dengan tasawur Islam. Konsep-konsep kecerdasan spiritual dari Barat ini dilihat tidak konsisten kerana wujud pelbagai tafsiran dalam kalangan mereka kerana menggunakan kerangka teori yang berbeza. Sayyed Qutb (1991) secara yang tepat menyatakan bahawa: *The concepts, religions, and systems that men have devised for themselves Outside Allah's guidance must always change, because man feels constrained by them as his demands increase and his needs evolve.*" (Tajulashikin & Nor Faizah, 2014)

4. KESIMPULAN

Apa yang dapat disimpulkan bahawa kebanyakan kajian yang dilakukan menjurus kepada kaedah pemulihan yang dilakukan bagi mengatasi gejala-gejala yang sedia ada (kes yang telah terjadi). Kaedah pemulihan adalah dengan menggunakan elemen-elemen tasawuf. Ia adalah untuk menjelaskan berkenaan keberkesanan kaedah tasawuf dalam mencegah dan memulihkan (*prevent and cure*). Di samping itu juga sumber literatur lepas ini tidak menolak kemungkinan dan keperluan untuk membuat penambahbaikan terhadap konsep tasawuf yang sedia ada dengan menekankan beberapa perkara seperti penekanan terhadap adab dan akhlak, pembersihan hati, latihan kerohanian, pembinaan strategi bagi melahirkan generasi *ulu al-albab* yang menguasai ilmu-ilmu turath serta menterjemahkan hal tersebut ke dalam individu generasi sekarang sebagai generasi *ulu al-albab* iaitu generasi bijak pandai yang berfahaman akidah ASWJ.

Artikel ini juga mendapat terdapat beberapa kajian yang mengetengahkan kaedah tasawuf sebagai elemen yang digunakan sebagai solusi kepada beberapa permasalahan khususnya berkenaan dengan

masalah moral dan masalah jiwa. Namun, kaedah pengukuhan daripada awal ataupun kaedah intervensi dalam menerapkan elemen ini daripada awal secara serius tidak diperkenalkan. Ini kerana kemungkinan pusat-pusat pendidikan moden ataupun pondok tidak begitu menekankan elemen ini sebagai suatu ilmu alat yang sangat penting dalam kehidupan. Ia bukan sekadar pengetahuan untuk memenuhi silibus dalam pendidikan, tetapi memahami keperluannya sebagai alat dan perisai dalam kehidupan apabila keluar sahaja mereka daripada pusat pendidikan. Selain itu, elemen tasawuf digunakan sebagai solusi setelah sesuatu perkara itu berlaku. Selain itu, elemen tasawuf digunakan sebagai solusi setelah sesuatu perkara itu berlaku. Selain itu, elemen tasawuf digunakan sebagai solusi setelah sesuatu perkara itu berlaku. Ia suatu kebaikan namun sekiranya elemen-elemen ini terapkan dengan lebih awal, maka ia mungkin akan mencegah daripada perilaku seperti radikalisme dan terorisme pelampau agama dapat dicegah lebih awal.

Permasalahan sosial terutama dalam zaman teknologi dan maklumat ini menyebabkan masyarakat menjadi ulama segera dalam membahaskan permasalahan agama, para agamawan yang tidak melengkapkan diri dengan sumber *turath* dengan mudah mentakfirkan amalan-amalan para ulama terdahulu dengan menjadikan slogan memartabatkan al-Quran dan al-sunnah. Kumpulan masyarakat yang baru mendekati agama akan mudah tersalah dengan mengikuti aliran serta kumpulan-kumpulan yang ekstrim dalam beragama seperti kumpulan-kumpulan yang terlibat dengan aliran jihad yang bertentangan dengan ASWJ. Banyak lagi permasalahan-permasalahan yang timbul pada zaman pascateknologi ini dengan timbulnya aliran-aliran yang mengelirukan masyarakat akibat terdedah dengan sumber maklumat yang terlalu banyak serta melahirkan kelompok agamawan yang somborono serta melahirkan para *intellectual barbarism* iaitu kebiadapan oleh para cendiakawan terhadap disiplin-disiplin keilmuan dalam Islam. Pendekatan tasawuf melalui media massa juga tidak dibahaskan. Dengan menunjukkan bagaimana pendekatan tasawuf dapat diaplikasi dalam media sosial ia kelak akan sendirinya menerapkan nilai-nilai baik semasa berinteraksi menggunakan media massa.

Pengekangan kepada trend ini adalah melalui tradisi keilmuan klasik iaitu elemen-elemen tasawuf yang diterjemahkan dalam bentuk kontemporari. Beberapa asas yang terdapat dalam kaedah fiqh dan juga *maqasid syari‘ah* boleh dijadikan acuan kepada kaedah-kaedah tasawuf yang akan diketengahkan berdasarkan sasaran-sasaran yang bersesuaian dengan melihat faktor umur, latar belakang sosial dan latar belakang pendidikan. Kesungguhan dalam melaksanakan elemen-elemen tasawuf dalam pendidikan merupakan usaha berterusan untuk mengekang daripada perkembangan pemikiran yang bercanggah dengan aliran Islam sebenar serta usaha mengekang aliran pemikiran ekstrim yang sudah membudaya dalam masyarakat yang akan merugikan umat Islam di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah Muhamad Zain (2017). Nilai kerohanian dan jasmani perlu diseimbangkan. *Berita Harian* (29 Disember 2017). <<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/12/368422/nilai-kerohanian-jasmani-perlu-diseimbangkan>>. (Diakses pada 20 Jun 2018).
- al-Attas, S. M. Naquib (1977). Preliminary thoughts on the nature of knowledge and the definition and aims of education, *First World Conference on Muslim Education*, Mekah, Arab Saudi.
- al-Buti, Syeikh Ramadhan (1965). *al-Ruhaniyyah al-Ijtima‘iyyah fi al-Islam*. Geneva: al-Markaz al-Islam.
- al-Ghazali (2019). *Terjemahan Minhajul Abidin*. Selangor Darul Ehsan: Pusaka Jiwa.
- al-Qushashi, A. (1909). *Al-Simt al-Maji>d*. Haiderabat: Da‘irat al-Ma‘arif al-Zizamiyyah.
- Baltus, Rita K. (2000). *Personal Psychology for Life and Work*. 5th ed. Ohio: Glencoe/ McGraw-Hill.
- Che Mohd Aziz Yaacob, Kamarulnizam Abdullah, dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2019). Pengaruh kefahaman dan penerimaan rakyat Malaysia terhadap perjuangan ideologi Daesh, *Kajian Malaysia*, Vol. 37, No. 2, 121-145.
- Che Noraini Hashim dan Hasan Langgulung. (2008). Islamic religious curriculum in muslim countries: the experiences of Indonesia and Malaysia, *Bulletin of Education & Research*, 30(1), 1-19.
- Chisti, M. (1985). *The Book of Sufi Healing*. New York: Inner Tradition International Ltd .

- Dacholfany, M. Ihsan (2015). Pendidikan tasawuf di Pondok Modern Darussalam Gontor, *Nizham Journal of Islamic Studies*, 4(2), 224-247.
- Fadzil Aziz (2017). Bekas Guru Sekolah Rendah di Kuching Antara 20 Suspek Pengganas Dijaring Cawangan Khas PDRM – Fuzi Harun”, 23 Disember 2017. *Sarawakvoice*. <<https://sarawakvoice.com/2017/12/23/bekas-guru-sekolah-rendah-di-kuching-antara-20-suspek-pengganas-dijaring-cawangan-khas-pdrm-fuzi-harun/>>. (Diakses pada 15 Feb 2018).
- Fazlur Rahman (1984). *Islam*. (Terj. Ahsin Muhammad). Jakarta: Pustaka Bandung.
- Freud, Sigmund (1961). *The Future of an Illusion*. London & New York: W. W. Norton & Company.
- Hasliza Hassan (2014). Agama: Mazhab Syafie di Malaysia sudah lama bertapak, *Berita Harian*, 12 November, 2014, <<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2014/11/17067/agama-mazhab-syafie-di-malaysia-sudah-lama-bertapak>> (Diakses pada 15 Disember 2014).
- Idris Zakaria (2010). *Falsafah Hidup Manusia: Perbandingan antara Islam, Hindu-Buddha, Kristian dan Ideologi Moden*. (Muadharah Pemikiran Islam, Siri 10), Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Jauhar Fuad (2013). Pendidikan karakter dalam pesantren tasawuf, *Tribakti: Jurnal Pemikiran Keislaman*, 23(1), 60-77.
- Juwan Riduan (2024). 5 warga Filipina ada kaitan militan Abu Sayyaf ditahan di Semporna, Kunak. *Berita Harian Online* (Januari 31, 2024 @ 5:14pm). <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1207184/5-warga-filipina-ada-kaitan-militan-abu-sayyaf-ditahan-di-semporna-kunak> (Diakses pada 2 Mei 2024).
- Kusuma, Bayu Mitra Ashyatma (2016). Radikalisme di Asia Tenggara: Dinamika Relasi Agama, Konflik dan Kebijakan Publik, *Kuliah Umum Prodi Ilmu Administrasi Publik Universitas 17 Agustus 1945 (UTA'45) Jakarta*, (15 November 2016). <https://www.researchgate.net/publication/324504352_Radikalisme_di_Asia_Tenggara_Di_namika_Relasi_Agama_Konflik_dan_Kebijakan_Publik/citations> (Diakses pada 12 Februari 2019)
- Mashitah Sulaiman dan Marina Munira Abdul Mutalib (2011). Agama Sebagai Faktor Pelestarian Pembangunan Mapan: Nilaianya dari Perspektif Kehidupan Belia Masa Kini, *World Congress for Islamic History and Civilization* (pp. 1-24). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mirra Noor Milla (2013). The Impact of Leader–Follower Interactions on The Radicalization of Terorists: A Case Study of the Bali Bombers, *Asian Journal of Social Psychology*, 92-100.
- Moh Hasyim Afandi (2016). Menghadang radikalisme di bumi nusantara, *Jurnal Lantera: Kajian Keagamaan, Keilmuan dan Teknologi*, 14(1), 73-87.
- Mohamad Nidzam bin Abd. Kadir (2010). *Tasawuf Kontemporari: Implementasi Tasawuf dalam Dunia Kini*. Selangor: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Mohd Farid Mohd Shahran (2023). The Role of Adab and Ta'dib in Facing the Challenge of Extremism: A Civilizational. *International Seminar on Islamic Education 2023*. Kuching, Sarawak: Biro Perkhidmatan Pendidikan, Majlis Islam Sarawak.
- Mohd Mizan Aslam (2018). A Model of Deradicalism in Malaysia. *International Case Study of Terorist Rehabilitation*. (Edited by Rohan Gunaratna dan Sabariah Hussin). London: Routledge.
- Muhammad Afham Ramli (2019). Jenayah: 16 individu disyaki terlibat Daesh ditahan, *Sinar Harian*, (26 September, 2019). <<https://www.sinarharian.com.my/article/49393/BERITA/Jenayah/16-individu-disyaki-terlibat-Daesh-ditahan>>
- Muhammad Mushfiq bin Ahmad Ayoub@Ayub (2018). Irsyad al-Hadith Siri Ke-304: Hadith Berakhlaklah Seperti Akhlak Allah, *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, 23 November 2018. Dipetik pada 6 Mac 2024, jam 10:57am dari laman sesawang: <https://Muftiwp.Gov.My/Ms/Artikel/Irsyad-Al-Hadith/2796-Irsyad-Al-Hadith-Siri-Ke-304-Hadith-Berakhlaklah-Seperti-Akhlak-Allah>

- Muzakkir, H. (2007). Tasawuf dalam Kehidupan Kontemporeri: Perjalanan Neo-Sufisme, *Jurnal Usuluddin*, 26, 63-70.
- Muzayyinatul Hamidi (2015). Menenun Perdamaian, Menangkal Radikalisme, dlm. Moh Hasyim Afandi (2016). "Menghadang Radikalisme di Bumi Nusantara, *Jurnal Lantera: Kajian Keagamaan, Keilmuan dan Teknologi*, 14(1), 73-87.
- Nafi' Muthohirin (2015). Radikalisme Islam dan Pergerakannya di Media Sosial, *Jurnal Ilmu-ilmu KeIslamian Afgaruna*. 11(2), 240-259.
- Qusyairy (n.d.). *al-Risalat al-Qusyairiyat fi 'Ilm al-Tasawwuf*. Beirut: Dar al-Khayir.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Mohd Imran Abdul Razak, Siti Maimunah Haji Kahal, Rabiatul Adawiyyah binti Mohamed Ratha, dan Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli (2018). Psikologi Terorisme Agama: Antara Bebalisme dan Fanatisme, *Jurnal Wasatiyyah Malaysia No 1*, 95-116.
- Tajulashikin Jumahat dan Nor Faizah Abdullah (2014). Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual Dari Perspektif Islam dan Barat: Satu Penilaian Semula, *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014*, 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, Malaysia, 656-666.
- Wakhid Sugiyanto (2015). Profil Keagamaan Terpidana Terorisme di Nusa Kembangan Jawa Tengah (Kasus Imam Samudera), dlm. *Profil Keagamaan Terpidana Terorisme di Indonesia*, Wakhid Sugiyanto (Ed.). Jakarta: Kementerian Agama RI Badan Litbang dan Diklat Puslitbang Kehidupan Keagamaan, 49-66.
- Wan Ismail Wan Dagang, Mohd Nasir Masroom, Ahmad Syukran Baharuddin, dan Mohd Ismail Mustari (2015). Ancaman Pemikiran Aliran Islam Liberal Kepada Umat Islam di Nusantara: Satu Sorotan Kajian", *Sains Humanika*, 5(3), 77-85.
- Wan Zulkifli Wan Hassan, Nazri Muslim, Nik Yusri Musa, dan Azizi Umar (2011). Idea Imam Shafi'i dalam Bidang Pembangunan Manusia Melalui Kemahiran Interpersonal, *Human Development*, (Ed. Tareq Ladjal). Kuala Lumpur: Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 37-56.
- Zuhriy, M. Syaifuddozen (2011). Budaya pesantren dan pendidikan karakter pada pondok pesantren salaf, *Walisongo: Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*, 19(2), 287-310.
- Zul'azmi Yaakob dan Sunawari Long (2015). Terorisme sebagai cabaran ideologi muslim masa kini: satu analisis dari perspektif falsafah. *International Journal of Islamic Thought*, 7, 58-63.